

FIQH JUMAAT DAN KHUTBAH

PENDAHULUAN

Jumaat adalah satu hari yang begitu mulia yang dikenali sebagai penghulu kepada segala hari (*sayyidul ayyam*) dalam Islam. Ia mempunyai beberapa kelebihan tersendiri yang tidak terdapat pada hari-hari lain. Di antara kelebihannya ialah kerana di dalamnya disyariatkan solat Jumaat dan khutbah yang wajib dihadiri oleh semua umat Islam lelaki yang mukallaf ke masjid atau tempat yang telah digazetkan untuk melaksanakan ibadah tersebut. Firman Allah S.W.T:

يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا نُودِيَ لِلصَّلَاةِ مِنْ يَوْمِ الْجُمُعَةِ فَاسْعَوْا إِلَىٰ ذِكْرِ اللَّهِ وَذَرُوا
الْبَيْعَ ذَٰلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٩﴾

Maksudnya: *“Wahai orang-orang yang beriman! Apabila diserukan azan (bang) untuk mengerjakan sembahyang pada hari Jumaat, maka segeralah kamu pergi (ke masjid) untuk mengingati Allah (dengan mengerjakan sembahyang jumaat) dan tinggalkanlah berjual-beli (pada saat itu); yang demikian adalah baik bagi kamu, jika kamu mengetahui (hakikat yang sebenarnya).”*(al-Jumuah: 9).

KELEBIHAN HARI JUMAAT

Hari Jumaat mempunyai kelebihan yang begitu banyak sekali disebabkan kemuliannya sebagai penghulu kepada sekalian hari-hari yang lain. Di antara beberapa kelebihannya ialah seperti berikut:

1. Penghulu segala hari.
2. Hari bagi kaum Muslimin.
3. Hari para malaikat turun ke bumi.
4. Hari yang mustajab doa.
5. Hari dihapuskan dosa.
6. Hari utama kelebihan bersedekah.
7. Hari meraih pahala berganda.

8. Hari mendapat hidayah daripada Allah.
9. Meninggal hari Jumaat sebagai petanda mendapat “husnul khatimah”.

PENGERTIAN SOLAT JUMAAT

Solat Jumaat (صَلَاةُ الْجُمُعَةِ, *salat al-jumu'ah*) ialah solat fardhu dua rakaat yang dilakukan pada hari Jumaat menggantikan solat Zohor secara berjemaah selepas mendengar dua khutbah khas untuk sembahyang ini. Solat Jumaat itu wajib dikerjakan atas setiap mukallaf lelaki dengan syarat-syarat tertentu. Orang yang mengingkari kewajipannya adalah dianggap kafir.

Selain daripada dalil al-Quran tentang kewajipan menunaikan solat Jumaat seperti dalam surah al-Jumuah, terdapat juga hadith yang menyatakan bahawa solat Jumaat adalah wajib kepada setiap lelaki yang baligh. Rasulullah S.A.W bersabda:

Maksudnya: *“Pergi menunaikan solat Jumaat itu wajib bagi setiap lelaki yang sudah baligh.”*
(al-Nasa’i).

WAKTU SOLAT JUMAAT

Umat Islam disuruh segera datang ke masjid untuk menunaikan solat Jumaat apabila azan berkumandang sesuai dengan firman Allah S.W.T dalam surah al-Jumuah (ayat 9) yang bermaksud; *“maka segeralah kamu pergi (ke masjid) untuk mengingati Allah (dengan mengerjakan sembahyang Jumaat) dan tinggalkanlah berjual-beli...”*. Namun kita digalakkan untuk datang awal ke masjid agar dapat memanfaatkan peluang untuk beribadat seperti membaca al-Quran, berzikir, berselawat dan lain-lain amalan lagi sebelum tibanya waktu solat Jumaat dan khutbah. Rasulullah S.A.W bersabda:

Maksudnya: *“Sesiapa yang mandi pada hari Jumaat (seperti) mandi janabah lalu segera pergi ke masjid, maka seakan-akan berkorban dengan unta, sesiapa yang pergi pada masa yang*

kedua, maka seakan-akan dia berkorban dengan lembu, dan sesiapa pergi pada masa yang ketiga, maka seakan-akan dia berkorban dengan biri-biri jantan yang bertanduk, dan sesiapa yang pergi pada masa yang keempat seakan-akan dia berkorban dengan seekor ayam, dan sesiapa yang pergi pada masa kelima, maka seakan-akan dia berkorban dengan sebiji telur dan apabila imam telah keluar (untuk berkhotbah) maka para malaikat turut hadir untuk mendengar peringatan (khotbah)”. (al-Bukhari dan Muslim)

HARAM BERJUAL-BELI

Sebaik sahaja azan berkumandang maka adalah diharamkan berjual beli seperti yang dinyatakan dalam ayat ke-9 dalam surah al-Jumuah. Para ulama' sepakat mengharamkan jual beli yang dilakukan setelah dikumandangkan azan yang kedua. Kemudian mereka berbeza pendapat berkenaan sah dan tidaknya jual beli yang dilakukan ketika terdengar suara azan. Ia terbahagi kepada dua pendapat dan zahir ayat di atas menunjukkan bahawa jual beli tersebut dikira tidak sah sebagaimana yang telah ditegaskan dalam perbahasannya tentang ayat larangan tersebut.

Hukum larangan berjual beli ini berbeza dengan kaum perempuan yang tidak wajib hadir solat Jumaat, maka kaum perempuan tidak terkena larangan berjual beli pada hari jumaat ini. Tetapi adalah lebih baik jika waktu tersebut mereka tidak disibukkan dengan urusan jual-beli untuk mengelakkan memberi ruang keterlibatan lelaki dalam urusan tersebut.

SOLAT TAHIYYATUL MASJID

Solat tahiyatul masjid adalah sangat dituntut melakukannya tatkala memasuki masjid dengan adab bertamu di rumah Allah. Solat Tahiyatul Masjid ialah solat dua rakaat yang dilakukan oleh setiap orang yang masuk ke dalam masjid sebelum dia duduk. Hal ini berdasarkan hadith:

Maksudnya: “*Apabila seseorang daripada kamu masuk ke dalam masjid, janganlah duduk sehingga dia bersolat sebanyak dua rakaat.*” (al-Bukhari & Muslim)

Tahiyatul Masjid terhasil dengan sendirinya apabila melakukan solat fardhu atau solat-solat sunat yang lain. Tujuannya ialah supaya seseorang itu tidak terus duduk di dalam masjid tanpa bersolat terlebih dahulu kerana menghormati masjid. Solat ini tidak gugur hukumnya sekiranya seseorang itu masuk dalam masjid dan berdiri sekalipun dalam masa yang lama.

Bahkan pada hari Jumaat sekalipun, jika seseorang itu masuk ke dalam masjid sedangkan imam sudah naik ke atas mimbar atau sudah berkhotbah, maka sunat baginya untuk melakukan solat Tahiyatul Masjid dengan meringkaskannya agar dapat mendengar khotbah selepas selesai menunaikan solat tersebut. Makruh hukumnya meninggalkan solat sunat ini kerana Nabi S.A.W pernah menyuruh seorang Sahabat menunaikan solat tersebut apabila masuk masjid sedangkan baginda S.A.W pada waktu itu sedang berkhotbah.

KHUTBAH JUMAAT

Khutbah Jumaat adalah ucapan atau syarahan yang dibaca dan disampaikan sebanyak dua kali berturut-turut oleh khatib sebelum menunaikan solat Jumaat dan ianya dianggap sebagai pengganti dua rakaat lagi solat Zohor. Tanpanya solat Jumaat menjadi tidak sah. Ia mengandungi kata-kata pujian terhadap Allah, ilmu dan nasihat, serta pengajaran kepada jemaah yang datang solat Jumaat pada hari tersebut.

SYARAT DAN RUKUN KHUTBAH

Khutbah terbahagi dua iaitu khutbah pertama dan khutbah kedua. Kedua-dua khutbah ini dipisah dengan khatib akan duduk sebentar sebaik sahaja selesai khutbah pertama dan akan diikuti oleh khutbah kedua seperti di dalam hadith:

Maksudnya: *“Rasulullah ﷺ berkhutbah pada hari Jumaat secara berdiri, kemudian baginda duduk, kemudian baginda berdiri.”* (Muslim)

Syarat-syarat sah khutbah adalah seperti berikut:

1. Mukallaf: Islam, berakal dan baligh
2. Khatib hendaklah berdiri sekiranya berkemampuan berbuat demikian.
3. Khatib hendaklah duduk selepas khutbah yang pertama
4. Khatib hendaklah suci daripada hadas kecil dan besar
5. Khatib hendaklah menutup aurat.
6. Khutbah hendaklah dibaca berturut-turut tanpa diselangi oleh masa yang lama tanpa sebarang sebab.
7. Rukun-rukun khutbah hendaklah dibaca dalam bahasa Arab.
8. Khutbah dilaksanakan sesudah masuk waktu zohor.

Rukun Khutbah

1. Bertahmid (memuji Allah) / bertakbir (khutbah hari raya).
2. Berselawat
3. Berwasiat dengan taqwa
4. Membaca ayat al-Quran pada salah satu khutbah

5. Berdoa pada khutbah kedua

SUNAT-SUNAT DAN ADAB BERKHUTBAH

Adalah disunatkan kepada khatib ketika berkhutbah:

1. Khatib berdiri di atas mimbar ketika berkhutbah
2. Memulakan khutbah dengan memberi salam
3. Khutbah hendaklah jelas, mudah dipahami, tidak terlalu panjang
4. Khatib hendaklah menghadap jamaah ketika berkhutbah

LARANGAN SEMASA BERKHUTBAH

Semasa khatib sedang berkhutbah adalah dilarang berkata-kata dan melakukan perkara-perkara yang tidak ada kaitan dengan khutbah Jumaat. Sebarang bentuk perbuatan yang menghalang daripada fokus terhadap usaha mendengar khutbah adalah dilarang dan menyebabkan amalan tersebut sia-sia dan tidak mendapat pahala mendengar khutbah Jumaat tersebut. Rasulullah S.A.W bersabda di dalam hadith:

Maksudnya: *"Jika kamu berkata kepada temanmu, "diamlah", sementara imam sedang berkhutbah di hari Jumaat, sungguh dia telah berbuat sia-sia."* (al-Bukhari & Muslim)

Begitu juga apabila tidak menumpukan perhatian terhadap khutbah yang disampaikan seperti bermain telefon bimbit, bergurau, membaca bahan-bahan bacaan lain, maka ia tidak mendapat pahala Jumaat seperti dalam hadith yang bermaksud:

"Siapa yang bermain kerikil ketika khatib tengah berkhutbah berarti ia telah menggugurkan pahala Jumaatnya." (Muslim dan Abu Daud)

HIKMAT KHUTBAH JUMAAT

Antara hikmah pensyariatan khutbah dalam solat Jumaat adalah sebagai medan ilmu untuk mengingatkan para jemaah akan tugas dan tanggungjawab mereka di dunia ini serta kesan daripada amalan-amalan tersebut di akhirat. Manakala hikmah-hikmah yang lain adalah begitu banyak sekali seperti:

1. Menambahkan pengetahuan umat Islam.
2. Menerima nasihat dan tunjuk ajar berguna.
3. Menyedari dan menginsafi kekhilafan diri.
4. Meningkatkan rasa ketaqwaan kepada Allah.
5. Mengambil pengajaran daripada khutbah.

AMALAN-AMALAN SUNAT PADA HARI JUMAAT

Terdapat amalan-amalan yang disunatkan pada hari Jumaat khususnya semasa hendak menunaikan solat Jumaat. Di antaranya adalah seperti berikut:

1. Mandi sebelum pergi ke masjid, sebaik-baiknya ketika hendak berangkat ke masjid.
2. Memakai pakaian yang bersih, elok dan kemas, sebaik-baiknya pakaian yang berwarna putih dan memperelokkan diri dengan memakai bau-bauan harum.
3. Mengerat kuku, merapikan misal, mencabut bulu ketiak, mencukur bulu ari-ari dan bersugi.
4. Bersegera ke masjid dengan tujuan untuk berada di saf hadapan.
5. Perbanyakkan zikir, selawat, istighfar dan berdoa.

PENUTUP

Kesempatan dan kelebihan yang Allah S.W.T sediakan pada hari Jumaat terutama amalan yang sangat dituntut untuk melakukannya, hendaklah digunakan sepenuhnya oleh umat Islam agar mereka sentiasa memperolehi rahmat Allah, kemuliaan dan keberkatan pada hari yang mulia ini. Jumaat merupakan majlis ilmu yang terbaik disediakan untuk umat Islam melalui pensyariaan khutbah Jumaat yang akan mengangkat martabat dan ketamadunan Islam yang gemilang.

Rujukan:

1. Al-Quran dan terjemahan
2. Fath al-Bari bi syarh Sahih al-Bukhari, Ibn Hajar al-Asqalani.
3. Sahih Muslim bi syarh al-Nawawi, Imam al-Nawawi.
4. Sunan Abu Dawud, Abi Dawud al-Sijistani.
5. Musnad Imam Ahmad Ibn Hanbal, Ahmad Ibn Hanbal.
6. Nayl al-Awtar, al-Syaukani.
7. Fiqh Islami wa adillatuhu, Prof Dr. Wahbah al-Zuhaili.
8. Al-Iqna' fi hal al-faz Abi syuja', al-Khatib al-Syirbini.
9. Al-Khitabah: nazarian wa amalian, Muhammad Abd al-'Al al-Hanawi